

PM menang dengan majoriti 22,061 undi

BH 22 OCT 1990

(Y)
oleh MAHFAR ALI

ALOR STAR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengekalkan kerusi Parlimen Kubang Pasu dalam pilihanraya umum kali ini dengan memperolehi majoriti undi yang besar, iaitu sebanyak 22,062 undi — bertambah 6,764 berbanding pada 1986.

Perdana Menteri mendapat 30,681 undi (75.6 peratus) mengajahkan Presiden Hamim, Datuk Haji Sudin Wahab, yang hanya memperolehi 8,619 undi, bertanding atas tiket Semangat 46.

Keputusan itu diumumkan oleh Pegawai Pengurus Pilihanraya, Datuk Syed Zain Syed Abdullah di Dewan Sekolah Menengah Jitra pada jam 13.37 malam ini. Pengumuman itu disambut riang serta tepukan gemuruh penyokong BN.

Parlimen Kubang Pasu mempunyai 52,341 pengundi. Daripada jumlah itu 77.5 peratus memilih keluar mengundi hari

ini. Sejumlah 1,270 undi rosak.

Pada 1986, Perdana Menteri memperolehi 25,452 undi (69.91 peratus) mengalahkan calon Pas, Azizan Ismail yang mendapat 10,154 undi (27.9 peratus). Undi rosak pada 1986 ialah 803 undi manakala 74.21 peratus daripada 49,059 pemilih keluar mengundi.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff, turut memperolehi majoriti undi yang besar, iaitu sebanyak 11,101 undi (75.9 peratus) bagi mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jitra.

Menteri Besar mendapat 15,083 undi (75.9 peratus), menewaskan calon Semangat 46, Abdul Rashid Mohamad Salleh yang hanya memperolehi 3,982 undi.

DUN Jitra mempunyai 24,976 pengundi. Daripada jumlah itu 76.4 peratus memilih keluar mengundi manakala 785 undi rosak.